

Newspaper	Berita Harian
Date	18/3/2013

Sokong pasukan keselamatan: Dr M

BH - 18/3/2013

Lahad Datu: Rakyat Malaysia harus bersyukur dan terus memberi sokongan kepada pasukan keselamatan mempertahankan kedaulatan negara dalam Ops Daulat.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun ada pihak mendakwa operasi berkenaan hanya sandiwara, realitinya ialah sembilan anggota pasukan keselamatan terkorban di medan pertempuran.

"Saya harap tiada yang tidak memberi sokongan. Memang ada yang memperkecilkan tentera dan polis dan cakap ini semua sandiwara.

"Ini bukan sandiwara kerana 10 anggota kita terkorban (termasuk seorang yang terkorban nahas jalan raya). Ini realiti," katanya pada majlis ramah mesra dengan anggota pasukan keselamatan di Dewan Desa Kencana, FELDA Sahabat 16 dekat sini, semalam.

Turut hadir Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan Panglima Medan Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Seri Zulkiple Kassim.



Sebahagian anggota keselamatan **bergambar** bersama Dr Mahathir pada majlis ramah mesra di Dewan Desa Kencana, FELDA Sahabat 16, Lahad Datu, semalam. [FOTO BERNAMA]

Dr Mahathir yang tiba menaiki helikopter jam 3.30 petang disambut Ismail dan Zulkiple sebelum beramah mesra dengan anggota terbabit.

Bekas Perdana Menteri berkata, keberanian pasukan keselamatan menghadapi musuh terbukti menerusi operasi berkenaan.

Katanya, pasukan kesela-

matan berjuang penuh semangat menentang musuh walaupun menyedari pelbagai risiko dihadapi.

"Kita tidak malu menghadapi musuh kerana kemampuan, keberanian dan semangat tinggi pasukan keselamatan mempertahankan negara.

"Mempertahankan negara adalah tanggungjawab kita

dan tidak boleh bergantung kepada pihak lain seperti sebelum merdeka," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak pernah mencuba mencetuskan perbalahan dengan negara lain, sebaliknya berbaik dengan jiran termasuk Filipina dengan memberi peluang rakyat negara itu berniaga di negara ini.